

06/10/2002

Islam dihina kerana kita tidak gagah

MEMPUNYAI simptom delusi (delusion) atau kepercayaan palsu (dongeng) amat merbahaya pada kumpulan atau bangsa apa lagi jika dihinggap delusions of grandeur - berperasaan diri mereka kuat dan terpenting.

Amerika Syarikat terunggul, China dan Israel sedang meningkat, Kesatuan Eropah satu pola kuasa terbesar dan andainya kita orang Melayu dan Arab menganggap kita kelas satu atau satu anak tangga di bawah mereka, maka tentulah kita sudah diserang khayalan keagungan diri sendiri yang bukan-bukan walaupun itulah matlamat kita satu hari nanti, mahu setaraf dengan yang terkuat atau paling terdekat dengannya.

Sepanjang seribu tahun, kita dipimpin mula-mula oleh Melayu-Hindu, Melayu-Islam, selepas itu dijajah oleh orang Kristian dari Eropah - Portugis, Belanda dan British, sebentar oleh Jepun sebelum kembali dijajah British, barulah kita merdeka pada tahun 1957.

Pada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan sebelum itu Tun Razak dan lain-lain selepas negara berdaulat, tugas terpenting adalah mempertingkatkan, memperkukuh dan mencemerlangkan orang Melayu agar mereka terus memerintah setidak-tidaknya seribu tahun lagi.

Walaupun sudah 45 tahun bebas daripada penjajahan, kononnya ibu segala perpecahan, kelemahan dan kemunduran orang Melayu, pemimpin kita terus menerus terpaksa memberi amaran padahnya kalau kita terus bersengketa sesama sendiri dan Umno sesama Umno. Tetapi Melayu nampaknya terus menerus bertelingkah!

Dari Munshi Abdullah, Za'ba kepada Tengku Abdul Rahman Putra, Tun Razak dan Dr Mahathir, nasib dan masa depan orang Melayu telah diperjuangkan dan hasilnya walaupun sudah ternyata masih belum memuaskan, kesudahannya amat jauh lagi.

Bangsa dan agama Islam kita terus dimomokkan seolah-olah Islam dan Melayu pelesit! oleh golongan-golongan pelampau di Amerika Syarikat dan dibantu oleh media perdana mereka. Hari Jumaat, stesen TV CBS (Colombia Broadcasting System) antara yang terbesar tetapi ratingsnya menurun berbanding dengan CNN, CNBC dan lain-lain telah secara langsung dan nyata menghina Rasulullah s.a.w. dengan menyiarkan interview dengan seorang paderi Kristian ekstremis Jerry Falwell yang berkata: "Saya fikir Muhammad adalah seorang pengganas; sebaliknya Nabi Isa (Jesus Christ) dan Nabi Musa (Moses) mewujudkan satu contoh mengenai kasih sayang".

Persoalannya kenapa penghinaan ini dilakukan sekarang. Adakah ini satu agenda yang mula-mulanya tersirat kini dizahirkan secara terang bagi menyamakan Rasulullah s.a.w dengan Osama bin Laden dan pejuang-pejuang Al-Qaeda?

Kalau hasrat Amerika Syarikat, setengah golongan berkuasa, pembentuk fikiran, media, think-tank dan puak berpengaruh di Washington ingin orang Islam marah dan membenci Amerika untuk memberi mereka sebab menyerang dan menjatuhkan kerajaan, pemerintah dan pemimpin Islam yang tidak sebulu dengan mereka termasuk memusuhi Islam, saya kira mereka telah berjaya.

Sama-samalah kita lihat reaksi dan tindakan sekutu terkuat Amerika Syarikat di Timur Tengah, Arab Saudi yang juga mendakwa kononnya sebagai guardian - pelindung kepada Kaabah dan Makam Nabi Muhamad s.a.w yang kini mengikut pendapat Falwell juga penjaga makam seorang pengganas.

Mengetahui sejarah pakatan komplot mereka atas dasar memelihara kepentingan politik, ekonomi dan ketinggian nilai keselamatan dan kepentingan strategik, saya kira tiada tindakan bererti akan diambil oleh

Arab Saudi atau negara Arab lain. Sama-sama kita tengok.

Senjata politik dan ekonomi Arab terbesar dan berkesan jika dipergunakan ialah minyak seperti dilakukannya pada awal tahun 70-an.

Sudah lumrah orang Islam suka bersengketa sesama sendiri kerana kita lemah maka berkelahi dengan orang lain tidak terdaya dan berupaya. Kita suka bercakap, segan bekerja kuat, tidak tekun dan amanah dan amat suka sekali menyalah orang lain apabila sesuatu berlaku. Bila lagi kita mahu bertanggungjawab atas situasi itu sendiri?

Baru berasa kuat kita telah mula alpa, sebelum Dasar Ekonomi Baru dan Perlembagaan diperketat dan diperkukuhkan nyawa dan nadi ketuanan Melayu di hujung tanduk dan di Selangor jika tidak kerana darurat, selepas 13 Mei 1969, keadaan sudah seri. Sekarang Selangor sudah menjelma sebagai sebuah negeri Melayu sebenar seperti Johor, Kelantan dan lain-lain.

Kita cepat rasa selamat kerana kita memerintah. Apa akan jadi kalau orang lain memerintah seperti di Singapura dan Selatan Siam? Dalam negeri pun di mana bukan Melayu majoriti Melayu sudah dan akan terus terpinggir sebabnya orang lain mara ke depan kita hanya pandai mengadu saja. Kenapa orang Cina di Pantai Timur dan Utara walaupun mereka minoriti mereka tetap di barisan hadapan?

Dulu, salahkan penjajahan dan bahasa Inggeris tetapi sekarang kita berkuasa dan bahasa kita bahasa komunikasi rasmi tetapi kenapa kita masih juga mundur? Apa bahasa pun diguna kalau ditutur dan ditulis tanpa pengetahuan, bahasa itu tidak tinggi nilai ekonomi, sosial dan komunikasinya.

Melayu mesti bersikap lebih realistik, belum terlewat kita merebut peluang yang luas terbuka untuk membangun diri dan mendedahkan kepada apa yang berlaku dalam dunia. Tahap pendidikan, ilmu dan pendekatan yang tinggi saja yang akan membuka pintu kecemerlangan dan kesejahteraan bagi bangsa kita.

Kita harus mengejar kecemerlangan dan meluaskan visi kita kalau tidak kita terus dihina kalau pun tidak dijajah semula. Dilema Melayu ialah mahu mara ke depan atau duduk seperti sekarang? Saya takut salah hitung dan hisab kedudukan status quo pun tidak boleh dipertahankan lagi satu masa kelak.

Bangsa Arab sedar nilai minyak sebagai senjata yang strategik. Awal tahun 70-an kita telah lihat betapa dunia - kestabilan politik tidak terjamin kiranya tidak wujud keteguhan ekonomi dan rakyat susah - kepada minyak dibuat demikian bagi menunjukkan pengaruh kuasa siasah Islam. Arab Saudi dan Iraq membekal lebih separuh kegunaan dunia. Ekonomi Amerika Syarikat terancam apabila harga minyak dan Amerika adalah pengguna utama dalam dunia naik empat kali ganda pada awal tahun 1970-an. Orang Arab terutama keluarga dirajanya amat sedar tentang ini. Sanggupkah mereka menggunakan senjata ini sekali lagi bagi mengelakkan Amerika menghina Islam dan manusia seperti Falwell mengaibkan orang Islam melalui pengutukannya terhadap Rasulullah ?

Seperti kata Dr Mahathir, negara-negara Islam mesti belajar daripada sejarah. Sudah lupa berapa kali saya telah menulis tentang pentingnya sejarah tetapi orang Islam terus alpa sejarah. Amerika, Eropah, Israel dan musuh-musuh Islam amat sedar persengketaan yang ada sesama sendiri (ada memang didalangi mereka) tetapi majoritinya kerana hasad dengki, kepentingan berbeza sebab dasar dan matlamat negara masing-masing berlainan, maka amat mudah negara dan pemimpin-pemimpin Islam dilaga atau bermusuh sesama sendiri tanpa diapi-apikan oleh mana-mana pihak pun

Tetapi kita sukar mencari perpaduan kalaupun menghadapi musuh terutama yang sama, inilah kekuatan musuh selain daripada kehandalan ekonomi dan bala tenteranya. Apabila satu negara Arab mahu memotong pengeluaran minyak (yang akan menyebabkan ekonomi Amerika meruncing), Arab lain pula

mengambil kesempatan. Pada akhirnya bagi bangsa ini bukan Nabi Muhammad s.a.w. dan Islam yang mendahului tetapi dollars (dolar warna hijau) yang menentukan keputusannya.

Islam bagi majoriti negara Arab adalah secondary, tajuk kedua. Yang primary (asas) adalah poket, kepentingan kabilah, keluarga dan kerajaan mereka lebih penting daripada agama dan Pesuruh Allah s.w.t. Mereka hanya cakat semeja, tetapi masing-masing bikin lain, dulu, sekarang dan nampaknya begitulah juga pada masa depan.

Sebenarnya, bagi majoriti orang Islam, minyaklah yang telah menjadi ramai ummah merestui penganas dan keganasan kerana rezeki Tuhan telah disalahgunakan oleh beberapa keluarga melalui pembaziran dan mengejar hiburan dan simbol-simbol kemerosotan nilai akhlak dan budi pekerti yang buruk dan keterlaluan.

Kesimpulannya, minyak dan kekayaan darinya sudah menjadi satu subjek yang dikutuk dan penyebab bagi rakyat bawahan merestui keganasan bukan sebagai kesyukuran. Bak kata Mat Saleh dalam bahasa yang senang dan tidak berdalih ...oil has become a burden for opponents of the various authoritarian regimes to turn into a grievance rather than a blessing for the poor. Amin.